

# Hantar surat kepada Mahathir

# Keating beri

8 3 DEC 1993

# penjelasan

SYDNEY, Khamis — Paul Keating mengutus surat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menjetaskan beliau tidak pernah berniat menimbulkan kemarahan Perdana Menteri Malaysia apabila mengambarkannya sebagai 'keras kepala'.

Perdana Menteri Australia itu mengutus surat berkenaan dalam usahanya menyelesaikan salah faham kedua-dua negara berikutan kenyataan beliau berhubung keengganan Dr Mahathir menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Seattle, baru-baru ini.

Menurut jurucakap Keating, Perdana Menteri Australia itu menjelaskan bahawa pertikaian itu diperbesar-besarkan. Kedua-dua negara tidak mendapat sebarang faedah jika pertikaian itu berterusan.

Kenyataan bagi pihak Keating itu menegaskan, komen terhadap Dr Mahathir ketika Persidangan Apec tidak bertujuan menimbulkan kemarahan mana-mana pihak. Keating hanya menjelaskan pandangannya. Terpujanglah kepada Dr Mahathir memilih sama ada menghadiri sidang itu atau tidak.

Surat itu menyatakan: "Kenyataan Perdana Menteri di Seattle tidak sengaja dirancang supaya menimbulkan kemarahan Dr Mahathir.

"Sebaliknya, kenyataan itu bertujuan menjelaskan bahawa keputusan menghadiri sidang itu menjadi hak Malaysia dan Dr Mahathir mempertahankan keputusan itu selepas dipersetujui oleh Kuala Lumpur.

"Perdana Menteri menganggap isu ini hanya dapat diselesaikan jika kedua-dua negara bersedia melupakannya."

Di CANBERRA, kerajaan Australia menafikan laporan menyatakan Malaysia menyerahkan bantahan rasmi atas tindakan Keating.

"Media Australia hari

ini melaporkan bahawa Malaysia membuat bantahan rasmi kepada Suruhanjaya Tinggi Australia di Kuala Lumpur dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Canberra turut membuat bantahan yang sama kepada pejabat Perdana Menteri.

"Beberapa laporan ini tidak benar. Tidak ada dua bantahan itu," kata jurucakap Jabatan Hal-Ehwal Luar Australia.

Sementara itu Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, hari ini berkata Duta Australia ke Malaysia, John Dauth, dihubungi oleh Timbalan Setiausaha Agung Kementerian, Abdul Halim Ali, semalam.

Mesej yang sama turut disampaikan kepada pejabat Keating oleh pejabat misi Malaysia di Canberra, kata Abdullah yang dipetik oleh Bernama.

Jurucakap Hal-Ehwal Luar Australia berkata, Dauth berunding dengan pegawai kanan Kementerian Luar Malaysia, semalam.

"Beliau menemui mereka atas permintaannya sendiri bagi membincangkan hubungan kedua-dua negara. Malaysia tidak membuat bantahan rasmi dalam apa jua segi," kata jurucakap itu.

Agensi berita AFP dalam laporannya dari Sydney pula berkata walaupun masih terlalu awal untuk menilai kesan berikutan ketegangan hubungan diplomatik Malaysia-Australia, tidak diragukan Canberra akan menanggung kerugian besar.

Seperti yang disedari oleh Canberra, isu ini semakin sukar untuk diselesaikan atau mencari jalan keluar, walaupun Menteri Perdagangan Peter Cook dan Menteri Pertahanan, Robert Ray akan ke Kuala Lumpur minggu depan bagi merundingkan perkara itu.

Dengan perdagangan dua hala kini bernilai A\$2.3 bilion (RM3.75 bilion), Canberra tidak mahu perkara yang lebih buruk berlaku. — Agensi.